MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 22
No. 2

23hb Januari 1978

TAMBAHAN No. 1
AKTA

Akta Parlimen yang berikut, yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara 66 dalam Perlembagaan:

The following Act of Parliament passed by both Houses of Parliament and assented to by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, is published pursuant to Clause (4) of Article 66 of the Constitution:

No.		Tajuk ringkas
Akta A419	...	Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1978. Legal Profession (Amendment) Act 1978.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A419

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 1978

Tarikh Persetujuan Diraja ... ... 23hb Januari 1978

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 23hb Januari 1978

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A419

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 1978

Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976.

[24.1.1978]
Kecuali s. 2. →

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1978.

Bahagian IIA baru. *Akta 166.*

2. (1) Akta Profesion Undang-undang 1976 (kemudian daripada ini dalam Akta ini disebut "Akta ibu") adalah dengan ini dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Bahagian II suatu Bahagian IIA baru seperti berikut:

"

BAHAGIAN IIA

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS MENGENAI PENERIMAAN MASUK SEBAGAI PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA

Kuasa Peguam Negara untuk mengeluarkan Sijil Penerimaan Masuk khas.

28A. (1) Peguam Negara boleh mengeluarkan suatu sijil khas untuk diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi (kemudian daripada ini disebut "Sijil Penerimaan Masuk Khas") kepada seseorang yang, pada pendapatnya, memenuhi kehendak-kehendak berikut:

(*a*) (i) adalah seorang berkelayakan; atau

(ii) bukan seorang berkelayakan, tetapi mempunyai suatu kelulusan yang menjadikannya layak untuk menjalankan amalan sebagai seorang barrister, atau sebagai seorang peguamcara, atau sebagai seorang

peguambela dan peguamcara, atau selainnya sebagai seorang pengamal undang-undang apa jua dinamakannya, atau untuk diambilbekerja sebagai seorang pegawai undang-undang atau kehakiman dalam perkhidmatan sesuatu kerajaan, dalam mana-mana negeri, atau dalam sesuatu bahagian mana-mana negeri, atau dalam mana-mana wilayah atau tempat, di luar Malaysia; dan

(*b*) telah menjalankan amalan sebagai seorang barrister, atau sebagai seorang peguamcara atau sebagai seorang peguambela dan peguamcara, atau selainnya sebagai seorang pengamal undang-undang apa jua dinamakannya, atau telah diambilbekerja sebagai seorang pegawai undang-undang atau kehakiman oleh sesuatu kerajaan atau oleh sesuatu pihakberkuasa, pertubuhan atau badan, yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, atau telah ada kalanya menjalankan amalan sedemikian atau ada kalanya diambilbekerja sedemikian, keseluruhan atau sebahagiannya di dalam Malaysia atau keseluruhan atau sebahagiannya di luar Malaysia, selama tempoh, atau selama tempoh-tempoh yang jumlahnya beramaun, tidak kurang daripada tujuh tahun.

(2) Jika Peguam Negara mengeluarkan sesuatu Sijil Penerimaan Masuk Khas ia hendaklah menyatakan dalamnya tempoh selama mana orang yang kepadanya Sijil itu dikeluarkan akan diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara.

(3) Sesuatu Sijil Penerimaan Masuk Khas adalah keterangan muktamad bahawa kehendak-kehendak perenggan (*a*) dan (*b*) seksyen-kecil (1) telah dipenuhi, dan sahnya Sijil itu tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(4) Dalam seksyen-kecil (1)—

"kerajaan" termasuklah—

(i) Kerajaan Malaysia;

(ii) Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia; dan

(iii) kerajaan sesuatu negeri, atau suatu bahagian sesuatu negeri, atau sesuatu wilayah atau tempat, di luar Malaysia; dan

"undang-undang" termasuklah—

23/67. (i) undang-undang bertulis sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Tafsiran, 1967; dan

(ii) undang-undang sesuatu negeri, atau suatu bahagian sesuatu negeri, atau sesuatu wilayah atau tempat, di luar Malaysia.

Penerimaan Masuk dan pendaftaraian sebagai seorang peguambela dan peguamcara seseorang yang kepadanya dikeluarkan suatu Sijil Penerimaan Masuk Khas.

28B. (1) Seseorang yang kepadanya dikeluarkan suatu Sijil Penerimaan Masuk Khas boleh membuat permohonan *ex parte* saman permulaan kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi dalam Kamar supaya diterimanya masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi.

(2) Seseorang Hakim yang menimbangkan sesuatu permohonan di bawah seksyen (1) hendaklah, apabila berpuashati mengenai benarnya Sijil Penerimaan Masuk Khas itu dan mengenainya identiti pemohon itu, menerimanya masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi selama tempoh yang dinyatakan dalam Sijil itu; dan seseorang yang diterima masuk sedemikian sebagai seorang peguambela dan peguamcara hendaklah didaftaraikan dan diberi suatu suratcara diterima masuk di bawah seksyen 28.

(3) Penerimaan masuk dan pendaftaraian seseorang sebagai seorang peguambela dan peguamcara di bawah seksyen-kecil (2) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(4) Seseorang peguambela dan peguamcara yang diterima masuk di bawah seksyen-kecil (2) adalah berhak untuk membaharui penerimaan masuknya dari semasa ke semasa apabila dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut

mana yang berkenaan, suatu Sijil Pembaharuan yang dikeluarkan oleh Peguam Negara menurut budibicaranya:

Dengan syarat bahawa, dengan izin Peguam Negara secara bertulis, Sijil Pembaharuan itu boleh dikemukakan kepada Pendaftar pada bila-bila masa selepas tamat tempoh penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Sesuatu Sijil Pembaharuan yang dikeluarkan di bawah seksyen-kecil (4) hendaklah untuk pembaharuan penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana yang berkenaan, selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam Sijil itu, dan pembaharuan di bawah seksyen-kecil (4) hendaklah sewajarnya selama tempoh yang dinyatakan demikian.

(6) Sahnya sesuatu Sijil Pembaharuan yang dikeluarkan di bawah seksyen-kecil (4) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(7) Peruntukan-peruntukan seksyen-seksyen 10 hingga 19, termasuk kedua-duanya, tidak boleh dipakai bagi penerimaan masuk seseorang sebagai seorang peguambela dan peguamcara di bawah Bahagian ini, atau bagi pembaharuan penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana yang berkenaan, peguambela dan peguamcara itu.

Peruntukan mengenai Sijil Tahunan tidak dipakai bagi peguambela dan peguamcara yang diterima masuk di bawah Bahagian ini.

28C. Peruntukan-peruntukan seksyen-seksyen 32 dan 33, atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini mengenai Sijil Tahunan, tidak boleh dipakai bagi peguambela dan peguamcara yang diterima masuk di bawah Bahagian ini.

Kuasa Peguam Negara membuat perintah.

28D. Peguam Negara boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya perlu dan munafaat bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini atau menjalankan maksud-maksudnya, dan tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi—

(*a*) apa-apa perkara tambahan, bersampingan atau berbangkit mengenai Bahagian ini;

(*b*) menghapuskan apa-apa jua kesulitan atau anomali dalam mana-mana peruntukan Akta ini atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, atau selainnya yang mungkin disebabkan oleh mana-mana peruntukan atau peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah dipakai.

28E. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini atau peruntukan-peruntukan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah berkuatkuasa walau apapun peruntukan yang berlawanan atau takberselarasan dengannya yang terkandung dalam mana-mana peruntukan Akta ini lain daripada Bahagian ini, atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan peruntukan-peruntukan Akta ini (lain daripada Bahagian ini) atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain hendaklah dibaca—

(*a*) *mutatis mutandis* dengan peruntukan-peruntukan Bahagian ini dan peruntukan-peruntukan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini; dan

(*b*) dengan segala apa jua ubahsuaian, penyesuaian, perubahan atau pertukaran yang perlu untuk menjadikannya selaras dengan peruntukan-peruntukan Bahagian ini dan peruntukan-peruntukan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini.".

(2) Seksyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Seksyen 46A baru, dan pindaan berbangkit bagi seksyen 44.

3. (1) Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 46 kepala-kecil dan seksyen baru yang berikut:

"

Tidak Berkelayakan Menjadi Ahli Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar, dll.

Tidak berkelayakan menjadi ahli Majlis Peguam, sesuatu Jawatankuasa Bar, atau mana-mana jawatankuasanya.

46A. (1) Seseorang adalah tidak berkelayakan untuk menjadi ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar—

(*a*) melainkan ia adalah atau telah menjadi seorang peguambela dan peguamcara selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun, atau selama tempoh-tempoh yang jumlahnya beramaun tidak kurang daripada tujuh tahun; atau

(*b*) jika ia adalah seorang ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat, atau seorang ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, atau seorang ahli sesuatu pihakberkuasa tempatan; atau

(*c*) jika ia memegang apa-apa jawatan dalam—

(i) sesuatu kesatuan sekerja; atau

(ii) sesuatu parti politik; atau

(iii) apa-apa jua pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain, sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ia adalah di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, yang mempunyai tujuan-tujuan atau menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh ditafsirkan sebagai berjenis, bercorak atau berbau politik, atau yang diisytiharkan oleh Peguam Negara dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* sebagai suatu pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang mempunyai tujuan-tujuan tersebut atau menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat oleh Peguam Negara di bawah perenggan (*c*) (iii) seksyen-kecil (1) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(3) Jika seseorang ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, menjadi tidak berkelayakan di bawah seksyen-kecil (1), ia hendaklah apabila menjadi sedemikian disifatkan sebagai telah berhenti menjadi ahlinya itu dan sebagai telah mengosongkan apa-apa jawatan yang dipegang dalamnya.".

(2) Seksyen 44 Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "tertakluk kepada seksyen 46A," sebelum sahaja perkataan-perkataan "dipilih menjadi" yang terdapat dalam perenggan (*b*).

(3) Seseorang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah seorang ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, hendaklah, apabila sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, terhenti menjadi seorang ahlinya jika ia tidak berkelayakan untuk menjadi ahli itu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 46A Akta ibu yang diadakan dalamnya oleh seksyen-kecil (1) seksyen ini.

(4) Walau apapun pemilihan atau lain-lain proses bagi seseorang menjadi ahli Majlis Peguam, atau sesuatu Jawatankuasa Bar, atau ahli suatu jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, sedang dijalankan atau belum selesai sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, peruntukan-peruntukan seksyen 46A Akta ibu (yang diadakan dalamnya oleh seksyen-kecil (1) seksyen ini) hendaklah dipakai untuk menjadikannya tidak berkelayakan menjadi seorang ahlinya.

Pindaan bagi seksyen 67.

4. Seksyen 67 Akta ibu adalah dengan ini dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima puluh orang ahli" yang terdapat dalam seksyen-kecil (1) dengan yang berikut:

"satu per lima daripada jumlah bilangan ahli Bar Malaysia";

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan berikut yang terdapat dalam seksyen-kecil (2):

"Dalam hal-hal lain, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada hari yang sama pada

minggu berikutan dengan minggu hadapannya pada waktu dan di tempat yang sama, dan jika dalam mesyuarat tangguhan itu koram tidak cukup dalam masa setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, ahli-ahli yang hadir adalah mencukupi koram."; dan

(*c*) dengan menambahkan selepas sahaja seksyen-kecil (2) suatu seksyen-kecil (3) baru seperti berikut:

"(3) Sesuatu soal dalam mesyuarat agung Bar Malaysia hendaklah diputuskan dengan undi tidak kurang daripada dua per tiga daripada bilangan ahli-ahli yang hadir dan mengundi.".

Pindaan bagi seksyen 70.

5. Seksyen 70 Akta ibu adalah dengan ini dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima orang ahli atau satu persepuluh daripada bilangan ahli-ahli mengikut mana yang lebih besar" yang terdapat dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan yang berikut:

"satu per tiga daripada jumlah bilangan ahli-ahli Bar Negeri"; dan

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "undi terbanyak" yang terdapat dalam seksyen-kecil (3) dengan perkataan-perkataan yang berikut:

"undi tidak kurang daripada dua per tiga daripada bilangan".

KUALA LUMPUR
DICETAK OLEH KETUA PENGARAH PERCETAKAN DAN DITERBITKAN DENGAN PERINTAH PADA
23HB JANUARI 1978
Harga: 50 *sen*